



**BAHAGIAN PENDIDIKAN ISLAM
JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR**

**GARIS PANDUAN PENULISAN KERTAS INDIVIDU UNTUK KENAIKAN
PANGKAT SECARA *TIME BASED* TAHUN 2021**

1. PENGENALAN

Garis panduan ini disediakan sebagai panduan untuk para peserta kursus Profesionalisme Murabbi yang terdiri daripada Pegawai Perkhidmatan Pendidikan JAIS yang terlibat untuk kenaikan pangkat secara *time based* menyediakan kertas penulisan individu. Ianya selaras dengan perincian 6 (Kaedah Penilaian Kursus) dalam Garis Panduan Pelaksanaan Penilaian Tahap Kecekapan bagi urusan kenaikan pangkat secara *time based* untuk Pegawai Perkhidmatan Pendidikan di Jabatan Agama Islam Selangor.

2. TUJUAN

1. Menjelaskan format dan kaedah penulisan individu.
2. Memenuhi keperluan dan syarat PTK sebagaimana yang disyaratkan dalam kertas MMK.No. 32/32/2012 dan surat JPA.BK(S) 255/4/5 (56) bertarikh 13 April 2012.
3. Menggalakkan budaya penulisan ilmiah di kalangan PPP dalam memenuhi keperluan tahap kecemerlangan.

4. KAEDAH PENULISAN

1. Peserta memilih tajuk yang disediakan di portal pendidikan.jais.gov.my atau melalui edaran surat jabatan.
2. Penulisan disediakan menggunakan kertas A4 80gsm dan ke atas.
3. Mempunyai pendahuluan (5 markah), Isi (20 markah) dan Penutup (5 markah)

4. Menggunakan Bahasa Malaysia. Kata pinjaman berasal dari bahasa lain seperti Bahasa Inggeris, Bahasa Arab atau lain-lain bahasa dibenarkan.
5. Tidak boleh menulis singkatan seperti cth, dll.
6. Minima 6 halaman termasuk muka hadapan.
7. Muka hadapan menggunakan kertas 120 gsm dan ke atas.
8. Tajuk kertas penulisan di muka hadapan hendaklah menggunakan tulisan Arial saiz 26 dan ke atas (tajuk sahaja). Muka hadapan hendaklah mengandungi:
 - a. Logo JAIS,
 - b. Perkataan Jabatan Agama Islam Selangor
 - c. Perkataan Kertas Penulisan Individu bagi Tujuan Naik Pangkat PPP JAIS 2020
 - d. Tajuk kertas penulisan individu (saiz 26 ke atas),
 - e. Nama penyedia dan ;
 - f. Jawatan (cth: PPP DG34)
9. Halaman bergambar hendaklah disediakan dalam bentuk warna. Gambar hitam putih dibenarkan jika sumber asal gambar adalah dalam warna hitam putih dan mesti dinyatakan sumber gambar.
10. Penggunaan ayat al-quran adalah tidak digalakkan. Para peserta digalakkan menggunakan terjemahan dan tafsiran ayat al-Quran atau hadis sebagai dalil/fakta.
11. Tidak dibenarkan palagiat atau menggunakan bahan ilmiah orang lain untuk dijadikan bahan penulisan individu . Petikan atau sumber hendaklah dinyatakan dalam bibliografi kertas penulisan individu.
12. Sistem rujukan boleh menggunakan Sistem *Harvard* (Pengarang dan tahun) atau Sistem APA (Pengarah, Tahun dan halaman).
13. Margin /Jidar hendaklah 2.5 di atas, kiri , kanan dan bawah. Margin sebelah kiri hendaklah diluaskan sedikit bagi tujuan *binding*.
14. Menggunakan abjad/huruf (font) Arial bersaiz 12.
15. Jarak antara baris ialah 1 setengah langkau (1.5)
16. Mesti menyatakan halaman/muka surat 1,2,3 dan seterusnya pada setiap helaian. Sekiranya mempunyai ruangan kandungan, hendaklah ditulis nombor roman i,ii,iii dan seterusnya . Helaian lampiran hendaklah ditulis di ruangan kepala(header) sebagai lampiran 1, lampiran 2 dan seterusnya.

17. Sumber-sumber rujukan yang terdiri dari buku, artikel, tesis, jurnal dan bahan sumber yang tidak diterbitkan hendaklah ditulis mengikut format yang ditetapkan. Bagi bahan sumber yang tidak diterbitkan hendaklah ditulis seperti contoh berikut :
- a. Salim Sulaiman (2000), "Peranan Pengetua dan pasukan Kerja Dalam Kecemerlangan Pendidikan". PPD Kulai Johor. Kertas kerja tidak diterbitkan
18. Kertas penulisan **hendaklah dihantar kepada urusetia melalui Unit Pendidikan Islam, Pejabat Agama Islam Daerah masing-masing pada tarikh yang telah ditetapkan**
19. Panel penilai berhak membatalkan kertas penulisan individu jika didapati kandungan dan bentuk penyediaan adalah serupa/melanggar syarat-syarat yang telah ditetapkan.

PENUTUP

Penulisan ilmiah individu merupakan antara syarat bagi urusan kenaikan pangkat Pegawai Perkhidmatan Pendidikan JAIS dan sebarang kegagalan menyediakannya akan menyebabkan urusan kenaikan pangkat PPP tergendala. Semoga Allah permudahkan urusan kenaikan pangkat PPP JAIS.

Urusetia PTK
UPG, Sektor Pentadbiran
BPI JAIS